

# Perak mampu jadi negeri termaju

UM-20/5/06

IPOH 19 Mei - Perak mampu menjadi negeri termaju di Malaysia jika segala pembangunan yang dijalankan dilaksanakan bersungguh-sungguh, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan negeri di bawah kepimpinan Menteri Besar, Datuk Seri Mohd. Tajol Rosli Ghazali mesti memastikan Perak tidak ketinggalan dalam setiap pembangunan yang akan dilaksanakan.

"Kepada pegawai kerajaan dan ahli-ahli politik, saya telah menyatakan pentingnya perancangan yang baik serta rapi untuk memastikan program dilaksanakan mencapai kejayaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap selepas menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) antara kerajaan negeri Perak mengenai program pertanian bernilai RM100 juta dan Meranti Tiga Sdn. Bhd. untuk pelaburan RM50 juta bagi Pusat Pengedaran Segar dengan Tecso Malaysia.

Perdana Menteri dalam lawatan kerja selama dua hari ke negeri ini telah dibawa melawat beberapa projek pembangunan bioteknologi antaranya projek penternakan ikan laut oleh Global Hi-Q (M) Sdn. Bhd. di Pulau Pangkor.

Beliau juga melawat Golden Hope Food & Beverages Sdn. Bhd., Ladang Sungei Wangi di Sitiawan iaitu ladang jambu batu seluas 500 hektar yang terbesar di dunia yang mampu mengeluarkan 12,000 metrik tan jambu serta 18,000 tan jus setahun dengan menguasai 15 peratus pasaran jus jambu dunia.

Abdullah kemudian melawat Pusat Ternakan Abalon (Siput Mentiah) NZ Silverdale Marine Hatchery Sdn. Bhd yang menternak abalon New Zealand.

Menurut Perdana Menteri, projek-projek tersebut boleh menghasilkan pendapatan tambahan kepada rakyat atau mewujudkan kekayaan baru.

"Kesemua projek yang dijalankan itu adalah projek yang dimulakan oleh swasta dan saya yakin ia akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi negeri ini," katanya.